

**Hanya 35 Pejabat Perwakilan Malaysia Aktif Mendaftar Pemilih – SPR  
Bernama  
11 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Hanya 35 daripada 104 pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara yang dilantik sebagai Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) aktif dalam membantu urusan pendaftaran pemilih di luar negara.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Kamaruddin Mohamed Baria berkata perwakilan yang aktif ialah di Argentina, Australia, Austria, Belgium, Bosnia Herzegovina, Brazil, Brunei, Kemboja, Kanada, China, Republik Czech, Finland, Perancis, Jerman, Hungary, India, Ireland, Itali dan Kuwait.

Perwakilan lain ialah di Mexico, Morocco, Nepal, New Zealand, Korea Utara, Poland, Romania, Singapura, Korea Selatan, Sweden, Switzerland, Syria, Taiwan, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Venezuela.

Dalam kenyataan, beliau berkata SPR telah bersetuju mempermudah urusan penghantaran borang pendaftaran pemilih (Borang A) setelah mengambil kira pelbagai maklum balas yang diterima daripada rakyat Malaysia di luar negara.

Beliau berkata pemohon yang hendak mendaftar sebagai pengundi biasa atau pengundi tidak hadir hendaklah mengisi Borang A, mengisi lampiran maklumat tambahan, menyertakan salinan kad pengenalan atau passport antarabangsa dan salinan kad pelajar atau surat pengesahan sebagai pelajar bagi pemohon adalah pelajar sepenuh masa.

Katanya semua dokumen yang telah dilengkapkan boleh dihantar sendiri kepada PPP yang dilantik oleh SPR di pejabat perwakilan di luar negara atau menghantar dokumen secara pos kepada PPP atau menghantar melalui wakil yang merupakan pemohon lain yang hendak menghantar sendiri dokumen berkeaan.

Sebelum ini, SPR berkata hanya 200,000 rakyat Malaysia di luar negara telah mendaftar sebagai pemilih bagi Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 akan datang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679804>